

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

SOALAN NO. 482

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan perkembangan penelitian semula Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan pemeraksanaan yang akan dilakukan bagi DEB baru untuk mengatasi masalah ketidaksamaan sosioekonomi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mendepani cabaran ekonomi semasa, Kerajaan akan menggubal satu dasar ekonomi yang baharu dan holistik berteraskan pertumbuhan, menjamin kesaksamaan serta perkongsian kemakmuran. Dasar ini akan mencerakinkan semangat inklusiviti dan nilai keadilan yang akan menyumbang kepada kekayaan untuk dikongsi bersama seluruh rakyat Malaysia berkonsepkan perkongsian kemakmuran atau "*shared prosperity*".

2. Kerajaan hari ini sedar bahawa pertumbuhan ekonomi semata-mata bukanlah petunjuk yang sempurna bagi menggambarkan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dalam arus pembangunan negara. Pembangunan dan kemakmuran perlulah dilihat dalam aspek yang lebih luas dan lebih bermakna kepada kesejahteraan rakyat. Kesejahteraan rakyat tidak hanya diukur pada aspek kebahagiaan sahaja memandangkan definisi kebahagiaan adalah sangat abstrak. Kerajaan lebih cenderung untuk menilai kesejahteraan rakyat melalui peningkatan kuasa beli dan kemakmuran yang dikongsi secara bersama ataupun "*shared prosperity*".

3. Untuk mencapai kemakmuran bersama ini, Kerajaan melalui Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas telah menggariskan beberapa Strategi seperti berikut:

Pertama: Meningkatkan pendapatan dan kuasa beli isi rumah B40 untuk merapatkan ketidaksamarataan sosioekonomi. Inisiatif tersebut bertujuan untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan isi rumah ini supaya dapat meningkatkan peluang mendapatkan pekerjaan, menggalakkan keusahawanan dan meningkatkan produktiviti. Di samping itu, langkah untuk meningkatkan sistem perlindungan sosial akan dilaksana bagi memastikan kualiti hidup golongan ini terutamanya isi rumah miskin dan berpendapatan rendah tidak terjejas dalam menghadapi ketidaktentuan sosioekonomi.

Kedua: Memperkukuhkan Komuniti Ekonomi Bumiputera untuk meningkatkan pemilikan kekayaan. Usaha akan dipergiat untuk memperkukuh keberkesanan institusi dan program Bumiputera, memperkasa pendidikan dan modal insan serta meningkatkan kawalan efektif dan kemampuan dalam pemilikan ekuiti korporat. Di samping itu, usaha akan diambil untuk meningkatkan pemilikan kekayaan dan membina BEC yang berdaya tahan dan mampan.

Ketiga: Memperkasa kumpulan minoriti untuk mendapat manfaat daripada aktiviti ekonomi. Beberapa kumpulan minoriti terutama Orang Asli di Semenanjung Malaysia serta Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak di kawasan pedalaman masih dibelenggu kemiskinan disebabkan ketinggalan dalam aspek pendidikan, kemahiran dan keusahawanan berikutan akses yang terhad kepada peluang dan kemudahan asas. Sementara itu, masih terdapat isu berkaitan akses kepada peluang pekerjaan dan kemudahan pinjaman mikro untuk perniagaan bagi isi rumah India dan Cina yang berpendapatan rendah. Oleh itu, beberapa inisiatif akan dilaksana untuk memperkasa kumpulan minoriti ke arah mewujudkan masyarakat yang saksama.

4. Sebuah negara bangsa mencapai kemakmuran bersama apabila tidak wujud jurang pendapatan yang terlalu lebar antara golongan miskin dan kaya serta antara kaum dan dalam kalangan suku kaum. Selain itu, apabila tercapainya kemakmuran bersama, tiada lagi golongan yang merasakan mereka terpinggir dari arus perdana pembangunan dan tiada lagi negeri atau wilayah yang tertinggal dari menerima nikmat pembangunan. Ini seterusnya menyuburkan rasa keharmonian dan kestabilan politik di kalangan rakyat.

Sekian, terima kasih.